

**MAJLIS SAMBUTAN SISWA SISWI (AKUJANJI PELAJAR)
SEMPENA MINGGU SUAIKENAL AMBILAN KEDUA
SIDANG AKADEMIK 2011/2012**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 23 September 2011, di Dewan Kapitol, Kangar, Perlis

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullah, Salam Perpaduan, Salam Kemerdekaan, dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Barisan Urusetia Serta Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Dan yang dikasihi pelajar-pelajar baru UniMAP bagi sidang akademik 2011/2012.

Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba Hun' Khair.

Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan mengucap syukur kehadiran Allah S.W.T kerana mengizinkan kita berkumpul dalam Majlis Sambutan Siswa Siswi (AKUJANJI PELAJAR) sempena Pengambilan Kedua Sidang Akademik 2011/2012.

Meskipun anda semua mendaftar sedikit lewat, namun saya amat berharap ia tidak akan menjadi penghalang untuk anda membulatkan tekad meraih sebanyak mungkin ilmu pengetahuan. Jauhilah rasa rendah diri dan ketepikanlah rasa tersisih. Di UniMAP, semua akan mendapat layanan yang sama baik bagi pelajar ambilan pertama atau ambilan kedua.

Yang membezakan ialah, siapa yang lebih pantas merebut peluang dan berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan pasti akan berjaya.

Justeru, selamat datang ke Universiti Malaysia Perlis. Tahniah kerana berjaya melangkah ke satu fasa baru hidup anda - yakni sebagai mahasiswa universiti. Alam baru ini penuh dengan cabaran dan dugaan yang perlu anda tempuhi dengan keberanian dan kematangan sebelum boleh bergelar graduan suatu hari nanti.

Terima kasih dan syabas kerana memilih UniMAP yakni '**Universiti Pilihan yang Berdaya Saing**' sebagai tempat anda menimba ilmu.

**1Malaysia Lambang Perpaduan,
Hasrat Pemimpin, Sasaran Peneraju,
Anda Pewaris, Tunggak Kemajuan,
Memacu Negara, Malaysia Maju.**

Ladies and Gentlemen, praise be to Allah SWT for His kindness in allowing us to gather here today. Selamat Datang and welcome to this auspicious program. I would like to congratulate all of you - who hail from Malaysia as well as other countries – for being accepted to study in UniMAP. I am sure being far away from home and missing your family is not easy. That is why UniMAP welcomes you with wide open arms. All of you are just like my children. I consider myself your father, and I want you to feel at home, or at least, close to home. As Vice-Chancellor, I trust that you will do all you can to be successful in your studies. There will no doubt be many obstacles, trials and tribulations along the way. They form a part of this journey you are about to undertake. When the going gets tough, do not give up. I in turn will never give up on you. Just keep your mind focused and keep moving forward. Often times, you will find that you are nearer to success than you think. Make your family proud. I wish to see all of you smiling happily on your graduation day four years from now.

Pelajar yang dikasihi,

Setiap ibubapa mendidik dan membelai anak-anak mereka seperti menatang minyak yang penuh. Tatkala anda menjejak kaki di sini, mereka menaruh harapan untuk melihat anda berjaya suatu hari nanti. Semua ini jelas terapar di wajah mereka pada hari pendaftaran semalam. Mereka begitu ingin melihat anda berperanan merubah nasib keluarga serta menjadi penyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat.

Saya yakin saat dan ketika ini, semangat untuk belajar sedang berkobar-kobar. Tetapi saya juga tertanya-tanya - adakah semangat ini akan berkekalan sehingga membolehkan anda layak bergraduasi? Ini kerana, semangat yang berkobar-kobar ini kadang-kala malap dan tidak kurang juga terus padam setelah beberapa semester mengharungi cabaran hidup di alam kampus.

Sekiranya momentum belajar menurun, ingatlah kepada ibubapa yang bersusah payah membela anda dari kecil. Jangan lupa - dewasa ini semakin ramai pelajar memperolehi keputusan cemerlang tetapi ramai antara mereka yang tidak bernasib baik seperti anda yang berjaya menempatkan diri di universiti. Oleh itu, peluang yang terbentang di hadapan anda ini harus digunakan dengan sebaik mungkin.

Sistem pembelajaran di universiti jauh bezanya dari di sekolah. Jika dahulu anda ibarat 'disuap' dengan maklumat, tapi kini anda

perlu mengambil inisiatif sendiri mencari dan meneroka ilmu dari pelbagai sumber. UniMAP mengamalkan 'pembelajaran berasaskan hasil' atau 'outcome-based education' (OBE). Di bawah kaedah ini, pelajar dimaklumkan secara eksplisit apakah tahap ilmu dan kompetensi yang perlu dikuasai dalam menjalani sesebuah kursus, dan seterusnya, sesebuah program. Tanggungjawab menguasai kompetensi dan tahap ilmu tersebut terletak di atas bahu pelajar sendiri, dan bukannya pada bahu pensyarah. Di universiti, pensyarah hanya memainkan peranan sebagai fasilitator. Mereka sekadar memandu dan menasihati tentang apa yang perlu ditelaah. Pelajar sendirilah yang wajib mengambil inisiatif melaksanakan segala-galanya untuk menguasai ilmu dan kompetensi yang diharapkan. Seeloknya, hari-hari anda dipenuhi dengan pencarian ilmu tanpa tertunggu-tunggu 'suapan' daripada pensyarah.

Sebagai mahasiswa, kebanyakan perkara diputuskan oleh anda sendiri. Putih atau hitam bergantung kepada diri anda. Dari itu, sebelum membuat sesuatu keputusan, fikirkanlah – adakah ia mendekatkan diri anda kepada kejayaan? Jika ya, maka teruskanlah. Jika tidak, usah diteruskan, kerana besar kemungkinan ia hanya membazirkan masa anda.

Misi UniMAP ialah melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Manakala visi UniMAP pula adalah untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Sebagai pelajar baru, saya harap anda memahami

dan menghayati misi dan visi ini. Sebagaimana UniMAP memainkan peranannya menyediakan prasarana pembelajaran yang terbaik untuk anda, maka laksanakanlah peranan anda sebagai pelajar yang matang lagi bertanggungjawab.

Dengan berdirinya anda di sini, menjadikan anda seorang daripada 342 pelajar ambilan kedua yang mendaftar semalam. Atau jika dihitung jumlah kesleuruhan pelajar yang mendaftar awal September lalu menjadikan anda seorang daripada 1,984 pelajar baru yang mendaftar setakat 22 September 2011 bagi sidang akademik ini.

Jumlah ini tidak termasuk dengan pendaftaran pelajar antarabangsa UniMAP iaitu 45 pelajar serta pelajar Diploma seramai 340 pelajar menjadikan keseluruhan pelajar baru UniMAP untuk sesi 2011/2012 berjumlah 2,324 pelajar. Alhamdulillah, jumlah ini menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan.

Minggu pertama ini adalah sangat penting bagi membantu anda menyesuaikan diri. Dengan kampus UniMAP yang bersifat bertaburan – di mana tapak kampus berada di keseluruhan negeri Perlis - mungkin ada yang merasa situasi ini menyusahkan. Namun, marilah kita hayati pepatah yang berbunyi, ‘bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian’. Sedarlah bahawa untuk berjaya, tidak ada jalan mudah, sebaliknya kita perlu menempuh kepayahan dahulu. Jadikanlah realiti kampus

bertaburan ini sebagai cabaran untuk lebih berusaha mencapai kecemerlangan.

Pelajar yang dikasihi,

UniMAP mempunyai lapan pusat pengajian dan menawarkan 21 program Sarjana Muda Kejuruteraan, satu program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dan 2 program Sarjana Muda Perniagaan. Kampus kita bersifat bertaburan. Perpustakaan Utama terletak di Kangar. Begitu juga Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar, dan beberapa buah makmal dan dewan kuliah, manakala di Pauh Putra terdapat Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Di Kubang Gajah pula terdapat Pusat Sukan dan Pusat ICT, manakala di Jejawi ditempatkan pejabat, dewan kuliah, dan juga makmal. Pusat Kejuruteraan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), makmal serta kolej-kolej kediaman berada di Kuala Perlis. Di Kampus Hijau Sg Chuchoh pula terdapat Stesen Penyelidikan Agroteknologi. Inilah yang dikatakan 'distributed campus' atau kampus teragih / bertaburan. Terdapat perkhidmatan bas yang boleh membawa anda ke kebanyakan lokasi ini. Perkhidmatan bas adalah percuma, dan anda boleh merujuk jadual pergerakan bas di dalam laman web.

Makmal-makmal UniMAP adalah antara yang terbaik di rantau ini. Sebagai contoh, makmal pengajaran fabrikasi semikonduktor, iaitu

'Clean Room' menjadi tarikan industri sehingga ia dijadikan tempat di mana industri menghantar pekerja untuk dilatih dari semasa ke semasa. Beberapa makmal ini sudah mendapat pengiktirafan standard dunia.

Semasa kuliah nanti, anda akan dibimbing bukan sahaja oleh pensyarah tempatan, tetapi juga dari luar negara termasuk dari Australia, Iraq, Indonesia, India, Britain, Myanmar, Republik Kyrgyz, Pakistan, dan Jepun. Antara pensyarah anda, ada yang telah menghasilkan banyak produk penyelidikan yang memenangi pingat di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya di Geneva, Warsaw, Nuremberg, Seoul, Brussels dan Pittsburgh.

Yang terkini, pada pertandingan PECIPTA di Kuala Lumpur Convention Centre minggu lalu, UniMAP muncul universiti yang meraih pungutan pingat tertinggi iaitu sebanyak 31 pingat yang terdiri dari 9 pingat emas, 6 perak dan 16 pingat gangsa. Pencapaian ini tampak lebih membanggakan apabila penyertaan kategori pelajar iaitu sebanyak 6 produk mencatatkan 100 peratus kejayaan.

Dan, Mei lalu, pada **International Invention, Innovation Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX)** pula, UniMAP telah menghantar 50 produk penyelidikan, dan berjaya meraih tempat **pertama keseluruhan** dengan 11 pingat emas, 24 perak dan 11 gangsa. Dengan pencapaian itu, UniMAP dinobatkan

sebagai penerima 'Anugerah Patron' kerana pungutan pingat tertinggi.

Kita turut meraih anugerah *Best Green Invention 2011*. Untuk makluman, ITEX merupakan pameran terkemuka dunia, di mana pada tahun ini, sebanyak 722 produk penyelidikan dari 14 negara dipertandingkan – termasuk dari Russia, Poland, Canada, Saudi Arabia, Iran, Korea, China, Hong Kong, dan Taiwan.

Kejayaan UniMAP adalah kerana memiliki penyelidik serta kemudahan penyelidikan yang terbaik. Contohnya, Institut Kecemerlangan Nano Elektronik (INEE) UniMAP baru-baru ini diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Ini suatu pencapaian yang membanggakan kerana daripada 17 pusat penyelidikan yang disenarai-pendekkan, hanya 5 terpilih sebagai pusat kecemerlangan.

Baru-baru ini juga UniMAP diberi penarafan 4-bintang bagi kategori 'Universiti Berfokus' menerusi instrumen penilaian *My Research Assessment (MyRA)* yang dikeluarkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penarafan bagi tempoh 2008-2010 itu meletakkan kita pada kedudukan ke-6 antara kesemua institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini. Ini suatu peningkatan yang baik berbanding tempoh 2007 – 2009, di mana kita mendapat taraf 3-bintang sahaja. Justeru, UniMAP hampir setanding dengan kesemua universiti penyelidikan, dan menyamai

sebuah universiti penyelidikan yang jauh lebih berumur, iaitu Universiti Teknologi Malaysia.

Gabungan prasarana dan sumber manusia yang disediakan menghasilkan suasana pembelajaran yang kondusif. Pihak industri memaklumkan bahawa pelajar UniMAP mampu melaksanakan apa jua tugas yang diberi semasa menjalani latihan industri. Ini kerana kurikulum kita direkabentuk agar pelajar menjalani pendidikan yang menghasilkan aras pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka tidak perlu dilatih apabila mula bekerja di industri kelak. Sebilangan pelajar yang menjalani latihan industri di kilang-kilang dan syarikat menerima tawaran bekerja di sana selepas bergraduat. Peratusan kebolehpasaran graduan UniMAP amatlah baik -- ada yang ditawarkan bekerja sebelum konvokesyen lagi. Secara purata, kebolehpasaran graduan sejak 2006 adalah sekitar 80%. Mereka bekerja di syarikat-syarikat multinasional seperti INTEL, SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi. Tidak kurang yang melanjutkan pengajian ke peringkat Masters dan PhD, dan ada juga yang menjadi tekno-usahawan.

Pelajar yang dikasihi,

Nilai teras UniMAP ialah **'ilmu, keikhlasan, kecemerlangan'**. Ilmu adalah pohon rendang yang akarnya memenuhi dada bumi menjadi tunjang yang teguh bagi menghadapi taufan kejahilan. Ia juga peneraju amal yang diamanahkan Tuhan, manakala keikhlasan kepada-Nya mendasari penerokaan ilmu. Sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan, maka kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya.

Nilai teras ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan merupakan sebahagian lirik lagu WAWASANKU yang kita nyanyikan sebentar tadi. Hayatilah seluruh lirik lagu itu. Marilah kita kupas satu per satu –

Alam kejuruteraan bermaksud UniMAP sebagai hub di mana ilmu dibangun dan diperkembangkan untuk manfaat semua

Wawasan jiwa kita bermakna penerimaan terhadap ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan bukan secara ilmiah saja, tetapi kita turut menghayati dan menjiwai nilai-nilai ini sepenuhnya

Berdikari rohaniah berteknologi adalah ciri-ciri yang diidamkan; kita berdikari zahir dan batin dan menggunakan teknologi agar mampu berada di bahagian terkehadapan bidang ilmu

Pemimpin berbestari membawa maksud kita memimpin dan kita juga mengeluarkan graduan bestari yang menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing. Bestari bermaksud bijak, pintar, matang, dan sangat rasional.

Untuk bangsa, insan, dan umat dunia – bangsa merujuk kepada bangsa Malaysia, manakala insan adalah manusia, termasuk umat Islam. Dunia merujuk kepada arena antarabangsa.

Negara yang tercinta – iaitu Malaysia dan semua masyarakat berbilang kaumnya. UniMAP mendukung aspirasi kerajaan membangunkan modal insan kelas pertama yang berupaya menyumbang kepada pembangunan Negara dan dunia.

Suka saya ingatkan bahawa di bahu anda terletak amanah yang amat besar. Anda merupakan pemimpin masa hadapan. Kerajaan melaburkan sejumlah wang ringgit ke atas anda dengan pemberian subsidi dalam yuran pengajian. Sebagaimana saya sebutkan Ahad lalu, bagi setiap pelajar di UniMAP, Kerajaan menampung sekitar RM35,404 setahun. Angka ini dihitung berdasarkan jumlah perbelanjaan untuk membangun dan mengoperasi Universiti ini. Ini bermakna sekitar 93% kos pengajian anda ditanggung Kerajaan, dan anda hanya perlu membayar 7% sahaja. Saya maklumkan angka-angka ini agar anda sedar dan tidak mensia-siakan pelaburan yang telah dicurahkan. Setiap pelajar yang ditawarkan tempat di sini bermakna terdapat beberapa calon pelajar yang terpaksa ditolak.

Dari itu, saya harap tiada siapa mempertikaikan isu yuran pengajian. Ini hanya akan mengganggu konsentrasi, dan kesannya, anda mungkin gagal menjadi pelajar yang cemerlang. Sebaliknya, bersyukurlah dengan nikmat yang diberi, dan manifestasikan kesyukuran itu dengan cara belajar bersungguh-sungguh. Usah

terlibat dalam kumpulan-kumpulan yang berkecenderungan menimbulkan kekacauan. Dewasa ini saya lihat terdapat mereka-mereka di luar sana yang mencari jalan memprovokasi ketenteraman awam. Pelajar universiti sering dijadikan tunggangan atau kenderaan untuk mencapai agenda-agenda tertentu. Sekiranya ada pelajar yang terpengaruh, maka jelaslah pelajar itu belum cukup matang pemikirannya. Ini kerana pelajar yang matang dan bijaksana dapat membaca agenda kotor di sebalik pujuk rayu kumpulan-kumpulan tersebut. Ingatlah – tujuan anda di sini ialah untuk belajar. Jangan pesongkan tujuan ini demi kepentingan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kejayaan pihak-pihak tersebut bermakna kehancuran masa depan anda sendiri.

Sebaliknya, jadilah pelajar yang cintakan ilmu dan bijak membuat keputusan berasaskan fakta. Lihatlah sesuatu perkara dengan fikiran terbuka. Jangan mudah terpedaya dan kalah dengan emosi. Hidup dalam abad ke-21 ini dipenuhi pelbagai dugaan, dan kita sebenarnya tiada masa untuk dibazirkan menangani isu yang remeh-temeh. Negara dan dunia memerlukan pekerja yang memiliki kompetensi global, yang berupaya menangani cabaran-cabaran semasa yang melangkaui batas sempadan dan masa. Sekiranya anda belajar bersungguh-sungguh, setelah berjaya nanti, anda akan dapati anda mempunyai banyak peluang untuk memberi impak positif kepada kesejahteraan dunia, insya Allah.

Para pelajar yang dikasihi,

UniMAP mendukung harapan membentuk anda menjadi warga dunia yang berkebolehan. Sebagai juara perpaduan, UniMAP ingin membantu anda melihat kepada rakan sekeliling sebagai saudara sendiri – tidak kira bangsa dan warna kulit. Di samping itu, UniMAP berhasrat melahirkan sekurang-kurangnya 20% graduan yang mendapat CGPA 3.67 ke atas, dan 60% graduan yang mendapat CGPA 3.0 hingga 3.66. Graduan berminda dan bersahsiah kelas pertama ini seharusnya mempunyai daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa yang tinggi, dan keterampilan diri yang positif. Bagi membentuk perspektif global, kita cuba melibatkan lebih 5% pelajar dalam aktiviti sukan, kebudayaan, dan pertandingan (seperti pertandingan bahas, keusahawanan, rekacipta, dsb) di peringkat antarabangsa. Kita juga ingin supaya 100% pelajar terlibat dalam kegiatan kebudayaan, kerja-kerja amal dan masyarakat. Dalam bidang sukan pula, kita mensasarkan agar penyertaan di mana-mana acara sukan membawa kepada pungutan sekurang-kurangnya 40% pingat, yang mana 8% adalah emas.

Jadi jelaslah kita semua seharusnya sibuk mengisi tuntutan yang saya sebutkan tadi. Jangan tunggu lagi. Mulalah berusaha mulai hari ini agar semua yang kita idamkan akan tercapai suatu hari nanti, insya Allah.

Seterusnya, saya memperkenalkan barisan Ketua Jabatan UniMAP. Ini agar pelajar sekalian kenal siapa mereka, dan akan berjumpa dan berbincang dengan mereka sekiranya perlu. Mungkin ada antara mereka yang tidak dapat hadir pada hari ini, namun anda boleh melihat paparan disrin untuk mengenali wajah mereka.

1. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin,
Naib Canselor
2. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. Prof. Dr. Ismail Daut,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. En. Zuber Hj. Mohamad - Pemangku Pendaftar
5. Pn. Saodah Hassan
Bendahari
6. Pn. Mazmin Mat Akhir
Pustakawan Kanan
7. En. Razli Ahmad
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
8. Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin - Pen. Naib Canselor
(Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

9. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain
Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat)

10. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin
Dekan Pengurusan Akademik

11. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid
Dekan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

12. Prof. Madya Dr. Johari Adnan
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik

13. Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kej. Komputer & Perhubungan

14. Dr. Mohd. Fareq Abd. Malek
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik

15. Dr. Khairrel Rafezi Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

16. Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik

17. Dr. Khairul Azwan Ismail
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan

18. Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses

19. Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar

20. Prof. Madya Dr. Hazry Desa
Dekan
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan

21. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

22. Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid
Dekan
Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan

23. Prof. Madya Abdul Rahman Mohd Saad
Dekan Pusat Kejuruteraan

24. Prof. Madya Abdull Halim Abdul
Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan

25. Prof. Madya Dr. Kong Wah @ Syaharom Abdullah
Dekan, Pusat Hal Ehwat Antarabangsa

26. Prof. Dr. Uda Hashim
Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik

27. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid
Pengarah, Jabatan Pembangunan

28. En. Nor Azmi Hj. Johari
Pengarah, Jabatan Keselamatan

29. Dr. Yufridin Wahab
Pengarah, Pusat Kerjasama Industri

30. En. Nasrudin bin Abdul Shukor
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

31. En. Afizal Abu Othman
Pengarah Pusat Sukan/Pengetua Kolej-kolej Kediaman

32. Prof. Madya Ye Htut @ Mohammad Iqbal Omar
Pengarah, Pusat Kesihatan

33. En. Ahmad Fahmi Mahamood
Pengarah, Pusat Ko-kurikulum

34. Prof. Datuk Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din
Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan,
Pengkomersilan dan Pengurusan Harta Intelek

35. Ustaz Hassan Arshad
Pengarah, Pusat Islam

36. Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar
Pengarah, Unit Pembangunan Agroteknologi
37. Puan Husna 'Afifi Mohd. Yusoff @ Mat Jusoh
Pengarah, Unit Kebudayaan dan Rekreasi
38. Dr. Mohd. Mizan Mohammad Aslam
Pengarah, Unit Pembangunan Lestari
39. Prof. Dr. Asiah Sarji
Pengarah, Unit Penerbitan
40. Prof. Madya Ir. Shuib Sahudin
Pengarah, Unit Kualiti dan Akreditasi
41. Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin b. Bahari
Pengarah, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
42. Dr. Ku Mohd. Nabil b. Ku Hamid @ Ku Ismail
Pengarah, Unit Pengajaran dan Pembelajaran
43. En. Hirwan Jasbir Jaafar
Pengarah, Unit Kajian Strategik
44. En. Baharuddin Ismail
Pengarah, Unit Penyelarasan Program Diploma
45. Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah
Pengarah, Unit Media

46. En. Mohamad Ezral Baharudin
Penyelaras Unit Multimedia, dan juga
Pengetua Kolej Kediaman

47. En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah
Pengetua Kolej Kediaman, dan akhir sekali,

48. Pn. Ummi Noor Nazahiah Abdullah
Pengetua Kolej-kolej Kediaman